

SERONOKNYA BERCUTI DI KRABI

Oleh: Nurul Izzah binti Mat Rahim, 1172556,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 11 Ogos 2020

Kenangan bercuti di Krabi, Thailand sentiasa mengingatkan saya tentang betapa indahnya bumi ciptaan Allah SWT.

Masih terbayang-bayang dalam ingatan tentang keseronokan semasa bercuti di destinasi pelancongan yang terkemuka di Thailand itu.

Bagi mereka yang gemar melakukan aktiviti snorkel, mereka boleh melihat keunikan plankton yang memancarkan warna hijau kebiru-biruan ketika menyelam pada waktu malam di Pulau Phang Nga.

Sukar untuk digambarkan betapa asyiknya mata melihat cahaya yang dikeluarkan oleh jutaan plankton yang berkilau-kilauan apabila air laut berkocak.

Seperkara lagi, plankton hanya dapat dilihat pada waktu malam apabila laut tidak lagi disinari dengan cahaya matahari.

Pantai Phra Nang yang juga dikenali oleh masyarakat setempat sebagai Ao Phra Nang merupakan kawasan berpasir sepanjang 450 meter di selatan Railay Bay.

Pelancong boleh datang ke sini dengan menaiki perahu ekor panjang dalam perjalanan selama 20 minit atau berjalan kaki dari Railay East selama kira-kira 10 minit.

Pemandangan pasir memutih, air laut jernih kebiru-biruan dengan berlatarkan bukit batu kapur serta irama merdu kicauan burung sangat memukau perhatian.

Tebing batu kapur yang terbentuk sejak ribuan tahun lalu menyediakan teduhan semula jadi dari sinaran matahari yang terik.

Dapat disaksikan juga, dua pulau kecil iaitu Koh Rang Nok dan Nai, terumbu karang dan gua di *Ao Phra Nang* menjadikannya pemandangan pantai ini cukup sempurna pada pandangan mata.

Selain itu, mereka yang menggemari aktiviti lasak boleh cuba mendaki bukit batu kapur di sini.



Pemandangan di sini semakin indah pada waktu senja di mana kami dapat melihat suasana syahdu ketika matahari terbenam sebagai tanda siang melabuhkan tirainya.

Pada waktu malam, kami mengunjungi Pasar Malam Krabi yang diadakan setiap Jumaat, Sabtu dan Ahad, mulai pukul 5 petang hingga 10 malam.

Lokasinya di Soi Maharaj 8 yang terletak di belakang Pasar Raya Vogue di Pusat Bandar Krabi.

Rambang mata melihat kira-kira 50 gerai yang menjual beraneka jenis makanan dan barangan.

Antara makanan yang dijual adalah udang galah, ayam, ais krim dan kerabu maggi.



Antara makanan dan minuman di pasar malam Krabi.

Turut dijual pelbagai jenis minuman seperti jus oren segar dan jus buah naga. Lebih istimewa, ada gerai yang menjual minuman istimewa seperti Teh Ais Pulau Panjang dan Kamikaze yang disajikan dalam gelas yang diperbuat dari buluh dengan harga antara 120 hingga 180 baht.

Memang seronok bercuti di Krabi dan jika ada kesempatan, saya pasti akan ke sana lagi.